

TRAGEDI ETNIK UIGHUR DI XINJIANG, CHINA: PERANAN SISTEM FILANTROPI ISLAM DI MALAYSIA

*The Tragedy of Uyghur Ethnic in Xinjiang, China:
The Role of The Islamic Philanthropy System in Malaysia*

Muhsin Nor Paizin^{1*}

¹ Akademi Zakat (AZKA), Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP), 68-1-6 Dataran Shamelin, Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa, 56100 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Malaysia.

*Corresponding author (Email: muhsin.paizin@zakat.com.my)

Diterima: 4 Februari 2021, Diproses: 6 Februari 2021, Diterbitkan: 31 Mac 2021

Abstrak: Uyghur adalah kumpulan etnik masyarakat yang kebanyakannya tinggal di kawasan Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang (WAUX), China. Majoriti masyarakat Uyghur bertutur bahasa Turki dan mengamalkan agama Islam bermazhab Sunni. Sejak 2017, negara Republik China telah melaksanakan dasar *sinicized* (kecinaan), pihak berkuasa WAUX telah menerapkan langkah-langkah untuk mengasimilasikan masyarakat Cina Uyghur kepada Han serta mengurangkan pengaruh budaya dan bahasa Uyghur, Islam, dan Arab. Pemerintah WAUX menguatkuasakan undang-undang yang melarang “ekspresi ekstensifikasi” dan meletakkan sekatan pakaian dan dandanan, praktik adat tradisional Uyghur, serta memaksa kepatuhan larangan kepada pemakanan (halal) Islam. Ribuan masjid di Xinjiang dilaporkan dirobohkan. Isu ini menyebabkan ramai masyarakat Uyghur melarikan diri ke negara-negara jiran. Atas isu ini, kebanyakan tindakan semasa badan filantropi adalah menyalurkan bantuan kepada pelarian masyarakat etnik Uyghur di negara lain, ini kerana tiada bantuan yang boleh sampai ke WAUX berikutan sekatan yang diberikan oleh kerajaan Republik China. Sungguhpun begitu, pelbagai usaha lain telah turut dilakukan oleh beberapa pertubuhan antarabangsa atas dasar kemanusiaan. Semua ahli masyarakat juga boleh memainkan peranannya sendiri yang akan dibincangkan pada akhir kajian ini.

Kata Kunci: Uyghur, Xinjiang, Filantropi Islam, hak asasi manusia, isu kemanusiaan

Abstract: *The Uyghurs are an ethnic group living mostly in the Xinjiang Uyghur Autonomous Region (WAUX), China. The majority of Uyghurs speak Turkish and practice Sunni Islam. Since 2017, the Republic of China has implemented a “Sinicized” policy, the WAUX authorities have implemented measures to assimilate the Uyghur Chinese community to the Han and reduce the influence of Uyghur, Islamic, and Arabic cultures and languages. The WAUX government enforces laws prohibiting “expression of extensification” and imposing restrictions on dress and grooming, traditional Uyghur customs, and enforcing restrictions on Islamic (halal) diet. Thousands of*

mosques in Xinjiang were reportedly demolished. This issue caused many Uyghurs to flee to neighboring countries. On this issue, most of the philanthropic body's current actions are to channel aid to refugees of the Uyghur ethnic community in other countries, and this is because no assistance can reach WAUX due to restrictions imposed by the government of the Republic of China. Nevertheless, various other efforts have also been made by several international organizations on a humanitarian basis. All community members can also play their roles, which will be discussed at the end of this study.

Keywords: *Uyghur, Xinjiang, Islamic Philanthropy, human rights, humanitarian issues*

PENGENALAN

Sejak teretusnya demonstrasi dan kerusuhan etnik Uyghur pada tahun 2009, serta pertempuran yang berlanjutan yang melibatkan anggota keselamatan Uyghur dan Xinjiang yang melonjak antara 2013 dan 2015, para pemimpin negara Republik China (*People's Republic of China's*) telah berusaha untuk “menstabilkan” Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang (WAUX) melalui langkah-langkah keselamatan yang agresif bagi tujuan untuk memerangi “keganasan, separatisme dan ekstremisme agama.” Data rasmi negara China menunjukkan bahawa tangkapan di bawah definisi jenayah di Xinjiang meningkat dari sekitar 14,000 orang pada tahun 2013 kepada 228,000 orang pada tahun 2017 (Stratfor, 2008). Kini terdapat 1.5 juta orang etnik Uyghur ditahan di kem tahanan atas nama pendidikan semula (*re-education program*).

Kisah etnik Uyghur hampir terlepas dari perhatian dunia, justeru tidak ramai yang menyedari tragedi yang telah berlaku di WAUX khususnya ke atas orang etnik Uyghur. Masyarakat etnik Uyghur jelas memerlukan suara umat manusia di dunia tidak kira dalam kalangan beragama Islam atau tidak, dan dari sinilah pelbagai pihak dari sistem filantropi dan pertubuhan bukan kerajaan telah mengambil peranannya untuk membantu. Kertas ini pada dasarnya mempunyai objektif untuk menjelaskan tentang situasi tragedi yang berlaku terhadap masyarakat etnik Uyghur dan membentangkan apakah usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh sistem filantropi dalam membantu mereka.

ETNIK UYGHUR DI NEGARA REPUBLIK CHINA

Uyghur (atau “Uighur”) adalah kumpulan etnik yang mana kebanyakannya kini tinggal di kawasan Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang (WAUX) yang terletak di barat laut dalam negara Republik China. Majoriti masyarakat Uyghur bertutur dalam bahasa Turki dan mengamalkan ajaran agama Islam bermazhab Sunni. Kaum etnik Uyghur dianggap sebagai salah satu daripada 55 etnik minoriti yang diiktiraf secara rasmi oleh kerajaan China (Ted Robert Gurr dan Harff Barbara, 1994; A.R.M. Imtiyaz and Ben Stavis, 2008). WAUX, yang sering disebut sebagai Xinjiang (disebut sebagai “SHIN-jyahng”) adalah merupakan pentadbiran di peringkat wilayah (*provincial-level*) yang luasnya terdiri daripada sekitar seperenam dari jumlah keluasan tanah negara China (Britannica, t.th.).

WAUX juga dilaporkan kaya dengan mineral, menghasilkan lebih dari 80% kapas negara, dan mempunyai simpanan arang batu dan gas asli terbesar di China dan seperlima dari rizab minyak negara. WAUX juga adalah wilayah yang strategik untuk beberapa projek utama antaranya *Inisiatif Belt and Road* China yang merupakan program berstatus tinggi China untuk menghubungkan Asia dengan Afrika dan Eropah melalui jaringan darat dan maritim di sepanjang enam koridor dengan tujuan meningkatkan integrasi, meningkatkan perdagangan dan merangsang pertumbuhan ekonomi serantau. Negara Republik China menegaskan penguasaan ke atas Xinjiang pada tahun 1949 dan menubuhkan WAUX pada tahun 1955. Masyarakat etnik Uyghur pernah menjadi kumpulan etnik utama di WAUX; kini mereka hanya berjumlah sekitar 45% atau sekitar 10.5 juta orang daripada populasi wilayah itu yang sebanyak 24 juta (The Congressional Research Service, 2021).



Rajah 1: Lokasi Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang (atau Uygur Autonomous Region of Xinjiang). Sumber: Britannica (2014).

Berpandukan sejarah, kaum etnik Uyghur secara tradisional mendiami serangkaian oasis di sekitar Gurun Taklamakan di dalam Lembah Tarim (*Tarim Basin*). Kawasan ini adalah salah satu Kawasan yang paling kering di dunia; oleh itu, selama berabad-abad mereka mahir menguruskan pengairan untuk menjimatkan bekalan air untuk pertanian. Masyarakat etnik Uyghur mula menganut agama Islam secara beransur-ansur bermula pada abad ke-10, yakni sejak proses

Islamisasi oleh orang Turki dan Iran. Kebanyakan daripada orang Uyghur mula dikenali sebagai orang Islam pada abad ke-16, dan selepas itu, mereka berjaya mengekalkan kelangsungan agama dan cara hidup Islam, lantas Islam memainkan peranan penting dalam budaya dan identiti Uyghur sehingga ke hari ini (Britannica, [kemaskini 2018]).

Menelusuri sejarah, masyarakat etnik Uyghur pada dasarnya adalah sekelompok penduduk yang sudah sekian lama menjalin hubungan serta berkontaksi dengan orang-orang dari daerah China sebelum abad ke-10 lagi. Sebelum Dinasti Ming runtuh, masyarakat Islam Uyghur diterima dengan baik oleh dua buah dinasti besar sebelumnya iaitu Dinasti Sung (960 – 1279M) dan Yuan (1279 – 1368M). Namun, suasana politik masyarakat Muslim Uyghur mulai berubah pada akhir Dinasti Ming. Setelah runtuhnya Dinasti Ming, masyarakat Islam Uyghur turut sama mengalami kemerosotan dari segi politik dan sosial. Apabila tertubuhnya Dinasti Ching di bawah kekuasaan Manchu (1644- 1911M), masyarakat Muslim Uyghur mula kehilangan kebebasan dan ditindas oleh pemerintah China (Mohd Rashad Shamsuddin, 2000; Nevy Rusmarina Dewia *et. al*, 2020).

Apabila terbentuknya kerajaan Komunis di China pada 1 Oktober 1949, situasi yang dialami oleh masyarakat Uyghur tidak jauh berbeza dengan keadaan semasa pemerintahan dinasti sebelumnya. Hubungan antara pihak pemerintah Komunis dengan masyarakat Uyghur di Xinjiang tidaklah baik, ini kerana kerajaan Komunis China tidak melihat dan meletakkan kaum etnik Uyghur sama taraf dengan bangsa Han (merupakan etnik majoriti dan utama di negara China) malah mereka tidak diberi kuasa autonomi pentadbiran (Ted Robert Gurr, 1993). Di samping itu juga, pihak Komunis di China juga mewarisi perasaan anti-agama dan anti-Islam bersama-sama dengan pihak Komunis Rusia dan mereka mencuba sedaya upaya untuk menghapuskan Islam dari China dan memaksa orang Islam menjadi minoriti lemah di bawah dominasi bangsa Han. Berbeza dengan bangsa atau minoriti lain di China, masyarakat Islam Uyghur wujud sebagai masyarakat yang kelihatan berbeza dan berani menentang dan berpegang teguh kepada agama Islam (Xiaowei Zang, 2012).

Tragedi yang Menimpa

Sejak kurun ke 1940 – 1990an, konflik yang berlaku di Xinjiang lazimnya masih merupakan konflik lokal antara etnik Han dan etnik Uyghur. Konflik ini dipacu oleh kepincangan ekonomi yang didominasi oleh etnik Han. Kemiskinan dan ketidakpuasan hati yang diperburuk dengan ketidakadilan dari pemerintah China terhadap hak beragama etnik Uyghur yang majoriti adalah muslim menjadikan konflik ini semakin memburuk. Pemerintah China memang cukup keras dan terlalu fokus pada dasar “penyeragaman” sehingga memperlebar jurang antara Han dan etnik lain di China (Arienne M. Dwyer, 2005).

Sejak 2017, bersamaan dengan inisiatif nasional baru negara Republik China yang disebut sebagai “*sinicized*” (atau kecinaan), pihak berkuasa WAUX telah menerapkan langkah-langkah untuk mengasimilasikan masyarakat Cina Uyghur kepada Han serta mengurangkan pengaruh budaya dan bahasa Uyghur, Islam, dan Arab ke dalam masyarakat tersebut. Pemerintah WAUX juga menguatkuasakan undang-undang yang melarang “ekspresi ekstensifikasi” dan meletakkan

sekatan pada pakaian dan dandanan, praktik adat tradisional Uyghur, serta memaksa kepatuhan kepada undang-undang larangan pemakanan (halal) Islam. Ribuan masjid di Xinjiang dilaporkan telah dirobuhkan di mana motif Islam dan tulisan Arab telah dihapuskan. Terdapat juga laporan mengenai kempen pemerintah yang mana secara paksa menurunkan angka kelahiran di kalangan Muslim Turki di wilayah tersebut (The Congressional Research Service, 2021).

Menurut laporan Congressional Research Service (2021), antara 2017 dan 2020, pihak berkuasa WAUX secara sewenang-wenangnya telah menahan sekitar 1.5 juta Muslim Turki, kebanyakannya etnik Uyghur dan sebilangan kecil etnik Kazakh, serta meletakkan mereka di “kem pendidikan semula.” Kem ini juga telah menahan ramai intelektual dalam kalangan etnik Uyghur terkemuka. Pegawai negara Republik China menggambarkan kem ini sebagai “pusat pendidikan dan latihan vokasional” di mana “pelatih” yang berada di situ dikatakan sedang belajar bahasa Cina, belajar kemahiran kerja dan menjalani proses “de-ekstremisasi.”

Sesetengah amalan budaya agama atau etnik yang sebelumnya di toleransi oleh pemerintah kini dianggap sebagai ekstremis, malah dilaporkan ramai masyarakat etnik Uyghur terpaksa meninggalkan banyak kepercayaan dan adat serta budaya bercirikan Islam mereka, sebagai syarat pembebasan mereka dari kem latihan tersebut. Terdapat laporan yang mengatakan bahawa pusat tahanan yang diwujudkan di WAUX adalah seluas 520,000-meter persegi, tidak hairanlah ada yang telah menuduh bahawa pusat tahanan tersebut merupakan pusat tahanan yang terbesar di dunia, sekaligus meyakinkan masyarakat antarabangsa terdapat sesuatu yang mencurigakan berlaku di Xinjiang, China (Shawn Zang, 2018).

Pada separuh kedua tahun 2019, para pegawai negara Republik China mendakwa bahawa kebanyakan pelatih yang dipaksa mengikuti kem mereka telah dibebaskan, walau bagaimanapun, ramai masyarakat etnik Uyghur yang tinggal di negara lain mengatakan bahawa mereka masih belum mendengar khabar tentang saudara mara mereka yang hilang di Xinjiang. Menurut Congressional Research Service (2021) lagi, ramai pelatih berkemungkinan telah disabitkan secara rasmi atas jenayah dan ditempatkan di kem keselamatan yang lebih tinggi. Beberapa pusat pendidikan semula dilihat telah ditutup, sementara puluhan fasiliti baru atau yang diubahsuai menyerupai penjara telah muncul satu demi satu pada tahun yang sama. Kerajaan negara Republik China dilaporkan telah memindahkan bekas pelatih lain dan tempat tinggal khas keluarga mereka dan melarang perjalanan masuk dan keluar dari kem tersebut.



Rajah 2: Pusat Tahanan Dabancheng di bandar Urumqi, WAUX. Sumber: Shawn Zang (2018)

Disamping itu juga, pemerintah negara Republik China telah mulai memindahkan sejumlah besar masyarakat etnik Uyghur, termasuk ramai bekas pelatih, ke industri tekstil, pakaian, dan beberapa industri lain di Xinjiang dan provinsi negara China yang lain. Masyarakat Uyghur yang enggan menerima pekerjaan tersebut akan diancam dengan penahanan atau tuduhan melakukan jenayah. Di samping itu juga, bekas pelatih dikehendaki mengikuti kelas pengajian politik berikutan mengingkari kerja yang diarahkan. Pada bulan Mac 2020, Suruhanjaya Kongres Eksekutif di China mengeluarkan laporan, “Rantai Penawaran Global, Buruh Paksa, dan Wilayah Autonomi Uyghur Xinjiang” (*Global Supply Chains, Forced Labor, and the Xinjiang Uyghur Autonomous Region*). Laporan oleh Institut Dasar Strategik Australia mengenal pasti hampir 120 syarikat China dan asing yang dituduh oleh institusi ini secara langsung atau tidak langsung mendapat manfaat daripada buruh kaum Uyghur dalam keadaan yang berpotensi menyalahgunakan kuasa mereka serta bercanggah dengan hak asasi manusia (Colin P. Clarke dan Paul Rexton Kan, 2017).

Cubaan asimilasi yang berulang-ulang secara cepat dan paksa merupakan dasar diskriminasi yang menindas. Ia sebenarnya telah menyebabkan protes berkala di seluruh Xinjiang. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, kerajaan Republik China telah melabelkan kumpulan etnik Uyghur sebagai pengganas kolektif. Ini telah memberikan alasan yang kuat kepada kerajaan Republik China untuk membenarkan transformasi Xinjiang menjadi sebuah wilayah yang diawasi ketat. Selain itu, terdapat pula peningkatan Islamofobia di seluruh China, iaitu ketakutan, kebencian, atau prejudis terhadap agama Islam atau umat Islam umumnya, terutama apabila dilihat sebagai kuasa geopolik atau sumber keganasan (Kay Suhaimi, 2019). Hal ini menjadi lebih buruk apabila kerajaan Republik China sedikit demi sedikit menyemai benih ketakutan (*brainwashed*) kepada keseluruhan rakyat mereka supaya lebih mempercayai agenda yang kononnya

“membanteras keganasan” bagi membenci budaya masyarakat etnik Uyghur (Roy Anthony Rogers, 2018).

TINDAKAN KUASA ANTARABANGSA

Sebenarnya banyak usaha telah dilakukan oleh masyarakat antarabangsa dalam menghadapi permasalahan penindasan etnik Uyghur, beberapa diantaranya dijelaskan seperti berikut:

Sekatan Import dan Eksport dari Amerika Syarikat (AS)

Konflik di Xinjiang membangkitkan perhatian oleh negara-negara besar contohnya Amerika Syarikat (AS) dan 30 negara lain yang mengecam perlakuan pemerintah kerajaan China terhadap masyarakat Uyghur. Wakil menteri luar negara AS mengatakan bahawa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan semua negara lain mempunyai tanggungjawab yang sama untuk mengangkat isu-isu tertentu, apatah lagi ketika menyaksikan peristiwa kejahatan yang berlaku membabitkan hak asasi manusia. Menteri luar negara AS mengatakan adalah suatu kewajipan bagi negara-negara anggota PBB untuk memastikan organisasi tersebut dapat mengawal secara ketat sebarang pelanggaran hak asasi manusia yang dilakukan oleh negara China. AS menjemput negara lain untuk bergabung demi menuntut dan memaksa negara China mengakhiri sikap yang menekan masyarakat etnik Uyghur. Tindakan tersebut akhirnya dikecam balik oleh kerajaan negara China melalui Kementerian Luar Negaranya (Nevy Rusmarina Dewi *et. al*, 2020).

Bermula Oktober 2019, Agensi Perlindungan Sempadan dan Kastam AS telah mengeluarkan serangkaian pengumuman yang menyekat pengimportan barang tertentu yang disyaki melibatkan pembuatan produk oleh buruh paksa yang ada hubung kait dengan wilayah Xinjiang. Tindakan yang dilakukan itu adalah berdasarkan larangan import buruh paksa di bawah Seksyen 307 Undang-Undang Tarif tahun 1930 (AS), yang telah menyasarkan pakaian, produk berkaitan rambut, kapas, dan komponen komputer yang dihasilkan oleh syarikat China tertentu, serta produk yang dihasilkan oleh mana-mana kilang diakui berpusat di Xinjiang. Selain itu, bermula Oktober 2019, Jabatan Perdagangan AS telah menambah sejumlah 48 buah syarikat dan entiti keselamatan awam negara Republik China ke dalam senarai “entiti” Biro Perindustrian dan Keselamatan (BIS) di bawah Peraturan Pentadbiran Eksport (EAR) dalam kes mereka yang mempunyai isu dengan pelanggaran hak asasi manusia khususnya di Xinjiang (Terry Glavin, 2020). Tindakan tersebut menetapkan syarat-syarat pelesenan sebelum penjualan atau pemindahan item tertentu kepada entiti ini, dengan kemungkinan akan berlakunya sekatan lesen untuk kebanyakan item yang boleh diimport ke AS.

Kewujudan Kongres Uyghur Dunia

Kongres Uyghur Dunia (WUC) adalah organisasi antarabangsa yang bercita-cita untuk mewakili kepentingan kolektif orang-orang Uyghur di dalam dan di luar WAUX, China. WUC berpusat di Washington, D.C., AS menggunakan media massa dan laman web mereka sendiri untuk tujuan memberitahu masyarakat antarabangsa mengenai dakwaan pelanggaran hak asasi manusia di Wilayah Autonomi Xinjiang. WUC menggambarkan dirinya sebagai gerakan damai dan tanpa

kekerasan yang menentang apa yang dianggapnya sebagai kependudukan China di daerah Xinjiang dan menganjurkan penolakan terhadap totalitarianisme, intoleransi agama, dan terorisme sebagai instrumen dasar. Kongres ini dibiayai sebahagiannya oleh National Endowment for Democracy (NED Amerika Syarikat). Kongres ini dibentuk pada pertengahan April 2004 dalam sebuah pertemuan di Munich, Jerman, sebagai pertubuhan Uyghur yang diasingkan dari pentadbiran politik, termasuklah penubuhan Kongres Pemuda Uyghur Dunia (WUYC) dan Kongres Nasional Turkestan Timur (ETNC). [6] Dolkun Isa adalah presiden sekarang, yang dipilih pada November 2017. Seorang aktivis Uyghur terkemuka, Isa telah tinggal di Jerman sejak 1996 setelah melarikan diri dari China (WUC, t. th.).

WUC dalam satu kenyataan telah menuduh bekas pemimpin Parti Komunis China, Mao Zedong menjajah Xinjiang dan mengingkari janji untuk membenarkan rakyat Xinjiang menentukan nasib sendiri untuk wilayah tersebut. Menurut WUC, objektif utamanya adalah untuk “mempromosikan hak rakyat Uyghur untuk menggunakan cara yang aman, tanpa kekerasan, dan demokratik untuk menentukan masa depan politik Turkestan Timur.” Ia telah menyatakan niatnya untuk bekerjasama dengan pemerintah dunia dan membentuk “penentangan damai” terhadap dasar-dasar pemerintah China di Xinjiang (The Unrepresented Nations and Peoples Organization (UNPO), 2004). WUC juga mengatakan bahawa China lebih-lebihkan ancaman dari penganas untuk membenarkan penindasan di rantau ini (Telegraph, 2008).

Sokongan Pelarian Uyghur oleh Kerajaan Malaysia

Pada tahun 2018, telah dilaporkan seramai sebelas pelarian Turki masuk ke sempadan utara Malaysia. Sebelas etnik Uyghur tersebut itu adalah sebahagian daripada sekumpulan 20 orang yang melarikan diri dari pusat tahanan berhampiran sempadan Thailand-Malaysia, dengan menggali lubang di dinding dan menggunakan selimut sebagai tangga. Ahli kumpulan itu memperkenalkan diri mereka sebagai warga Turki dan meminta agar mereka dihantar ke Turki tetapi lebih 100 orang dikembalikan ke China secara paksa pada Julai 2015 (Free Malaysia Today, 2018).

Pada Oktober 2018, kerajaan Malaysia telah menghantar sebelas pelarian Uyghur tersebut ke Turki selepas menggugurkan pertuduhan di bawah akta imigresen ke atas mereka dan membebaskan mereka daripada tahanan, dalam satu langkah yang bertentangan dengan permohonan yang dibuat oleh Beijing agar mereka dihantar pulang ke negara itu (BenarNews, 2018). Kenyataan kerajaan Malaysia bahawa ia akan melindungi masyarakat Uyghur yang datang ke Malaysia daripada diekstradisi ke China, sungguhpun Beijing menegaskan agar kerajaan Malaysia menghantarnya pulang ke Xinjiang. Keputusan kerajaan Malaysia untuk membebaskan pelarian Uyghur terbabit boleh menyebabkan hubungan Malaysia dengan China bertambah tegang (Berita Harian, 2018).

PERANAN FILANTROPI ISLAM DAN USAHA YANG BOLEH DILAKUKAN

Definisi Sistem Filantropi Islam

Sistem filantropi amat penting dalam kehidupan golongan yang amat memerlukan seperti kaum etnik Uyghur di Xinjiang kerana ia merupakan sumber kepada sokongan fizikal dan mental bagi mereka. Meskipun kaum etnik Uyghur hidup jauh dengan negara Malaysia serta kawasan-kawasan negara Islam yang lain, namun, bantuan dari sistem filantropi sedikit sebanyak mampu mengurangkan beban ekonomi mereka. Sungguhpun golongan ini menghadapi cabaran yang jauh lebih besar, iaitu kongkongan oleh kerajaan Republik China, namun atas kesedaran masyarakat antarabangsa untuk kekal membantu semampu yang boleh, maka institusi filantropi tegar menjalankan pelbagai usaha untuk terus membantu.

Sebagai pengenalan, *philanthropy* (filantropi) mengikut kamus Dewan adalah rasa kasih sayang di kalangan manusia atau diterjemahkan sebagai kedermawanan (Kamus Dewan, 2014; Razali Othman, 2017). Amalan kedermawanan ini sudah menjadi sebahagian daripada amalan kehidupan masyarakat dan bukanlah sesuatu yang asing dalam kalangan orang-orang Islam.

Salah satu instrumen dalam filantropi adalah sedekah. Sedekah adalah salah satu instrumen kewangan dan ekonomi Islam yang mempunyai ciri-ciri yang fleksibel dan berbentuk sukarela. Ia boleh dianggap sebagai satu instrumen penyokong dan pelengkap bagi instrumen-instrumen wajib di dalam Islam seperti zakat, nafkah, kaffarah dan lain-lain. Hikmah di sebalik kebaikan dan kesan positif instrumen ini adalah terlalu banyak dan luas. Bahkan, sebahagian besar kesan positif sedekah tidak dapat digambarkan dalam bentuk nombor atau kuantiti kerana ia bukan sahaja meliputi kesan ekonomi dan kewangan, bahkan meliputi kesan kerohanian, sosial dan keberkatan. Tuntutan bersedekah juga jelas dalam firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah:

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

[Al-Baqarah (2): 195]

Syariat Islam bukan sahaja menitikberatkan kaedah pencarian rezeki yang halal, tetapi dalam masa yang sama ia menitikberatkan kaedah-kaedah infaq atau seni perbelanjaan Islam. Maka, pelbagai kaedah yang berbentuk wajib digariskan di dalam syariat Islam seperti zakat, nafkah tanggungan, kaffarah, dam, nazar, atau sunat seperti sedekah, hadiah, waqaf, hibah, dan lain-lain. Firman Allah SWT:

“Mereka bertanya kepadamu tentang apa yang mereka nafkahkan. Jawablah: “Apa saja harta yang kamu nafkahkan hendaklah diberikan kepada ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan.” Dan apa saja kebaikan yang kamu buat, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahuinya.”

[Al-Baqarah (2): 215]

Berdasarkan ayat di atas, filantropi berupaya menjadi salah satu jalan untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat. Konsep tolong menolong yang ada dalam filantropi menunjukkan bagaimana sesuatu nikmat dan kelebihan itu tidak hanya dapat dirasakan oleh golongan kaya tetapi juga boleh turut dirasakan oleh orang lain yang sedang dalam kesusahan.

Tindakan Semasa Institusi Filantropi

Kebanyakan tindakan semasa filantropi yang dilakukan kebanyakannya disalurkan kepada pelarian masyarakat etnik Uyghur ke negara lain. Hal ini kerana tiada bantuan yang boleh sampai ke WAUX berikutan sekatan yang diberikan oleh kerajaan Republik China. Sungguhpun begitu, pelbagai usaha lain telah turut dilakukan oleh beberapa pertubuhan atas dasar kemanusiaan. Kajian ini akan menjelaskan serba sedikit misi bantuan yang telah dilaksanakan oleh institusi filantropi setakat ini:

a) Muslim Volunteer Malaysia.

Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia atau dikenali sebagai Muslim Volunteer Malaysia (MVM) adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang telah didaftarkan pada 30 Disember 2014 dan mempunyai lebih 50,000 sukarelawan di Malaysia dengan julat umur 18 hingga 24 tahun. Pihak MVM telah mengadakan kempen bantuan penduduk Uyghur dalam beberapa fasa. Ia merupakan satu kerjasama mereka dengan pertubuhan Aksi Cepat Tanggap (ACT), sebuah NGO di Indonesia dalam memberikan bantuan pendidikan dan sara hidup kepada keluarga Uyghur yang menjadi pelarian di bandar Istanbul dan Kayseri, Turki. Sasaran MVM adalah untuk menghantar bantuan pek makanan dan juga pendidikan kepada keluarga dan anak-anak Muslim Uyghur selama 11 bulan bermula sehingga Disember 2020. Selain itu, bantuan yang disalurkan adalah pek rezeki (barangan asas dapur), kit musim sejuk (baju sejuk, stokin, kasut), dan bahan bakar atau pemanas (diesel).

MVM telah tersenarai dalam 5 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) terbaik di Malaysia oleh pihak iM4U semasa majlis anugerah Volunteer Malaysia Awards 2016 – Anugerah Perdana Menteri. Majlis ini julung kali diadakan bagi meraikan agensi-agensi serta pertubuhan-pertubuhan sukarelawan di Malaysia. MVM turut juga memberi bantuan dalam bentuk tindakan dan penerangan, serta pembangunan sosial secara bersepadu melalui kerjasama dengan masyarakat setempat, rakan kerjasama dan penaja (Muslim Volunteer Malaysia, 2020).

b) Global Peace Mission Malaysian

Global Peace Mission Malaysia (GPM) juga menjalankan kerja-kerja membantu ramai masyarakat Uyghur yang melarikan diri daripada Xinjiang. GPM secara dasarnya telah membantu pelarian masyarakat Uyghur yang berada di Turki dari segi bantuan berbuka puasa, qurban dan bantuan musim sejuk. Antara bantuan yang disalurkan adalah memberi sokongan seperti bantuan makanan, barangan keperluan harian kepada masyarakat Uyghur agar mereka dapat terus menjalani kehidupan walaupun sebagai pelarian ke negara lain. GPM pada asasnya ditubuhkan pada 26 September 2001 sebagai tindak balas segera terhadap penderitaan rakyat Afghanistan. GPM telah

memasuki hampir 30 negara dalam membantu dan menghantar bantuan kepada yang memerlukan (Global Peace Mission Malaysia, 2020).

c) Charity Right

Charity Right juga membantu pelarian Uyghur di Turki. Charity Right memberikan bantuan makanan ruji kepada keluarga yang kini cuba membangun kembali kehidupan mereka di Istanbul. Charity Right kini menyokong 400 wanita dan kanak-kanak dengan bungkusan makanan. Setiap bungkusan makanan bulanan mengandungi 20 kg tepung, 15 kg beras, 30 karton telur, 4.5-liter minyak masak, 2.5 kg gula, 5-liter susu dan 5-liter sos tomato (Charity Right, 2020).

Charity Right adalah organisasi bantuan makanan antarabangsa yang membantu komuniti yang terabai di seluruh dunia dengan memberi makan kepada individu yang kurang mendapat perhatian. Makanan yang disumbangkan adalah bagi menyokong pelajar sekolah dan orang dewasa di kem pelarian, hutan, dan perkampungan terpencil di seluruh Asia, Afrika, dan Eropah. Pada masa ini Charity Right beroperasi di Malaysia, Bangladesh, Pakistan, Sudan, dan Turki. Golongan kanak-kanak ini tidak berpeluang untuk melepaskan diri dari kemiskinan, tetapi dengan menyediakan makanan mereka boleh ke sekolah, dengan kata lain mereka mempunyai peluang pada masa depan yang makmur (Charity Right, 2020).

d) Gabungan 34 NGO Islam Seluruh Malaysia

Bagi usaha ini, ia bukanlah bantuan dalam bentuk wang ringgit, akan tetapi bantuan berbentuk solidariti dan sokongan moral kepada masyarakat etnik Uyghur di negara China oleh sekumpulan NGO di Malaysia. Pada Julai 2019, Sekumpulan 30 orang mengadakan bantahan di luar Kedutaan Republik Rakyat China di Kuala Lumpur petang ini bagi menggesa kerajaan China membebaskan semua tahanan Uyghur yang ditahan di kem tahanan di Xinjiang. Bantahan itu diadakan sempena tahun ke-10 pembunuhan beramai-ramai di Urumqi di wilayah Xianjiang pada 5 Julai 2009. Mereka juga menggesa kerajaan China menghormati hak asasi masyarakat Uyghur, termasuk kebebasan beragama dan menghentikan sebarang percubaan untuk memaksa asimilasi budaya. Sepanjang tahun 2019 dan 2020, telah berlakunya beberapa siri serahan memorandum bantahan kepada pihak Kedutaan Republik China di Malaysia (Malaysiakini, 2019).

Menurut laporan Malaysiakini (2019), senarai NGO Islam yang menyokong kenyataan bersama bagi membantah kerajaan China adalah Gabungan rakyat Malaysia untuk Uighur (M4U), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (Wadah), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Majlis Perundingan Islam Malaysia (MAPIM), Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM), Global Peace Mission Malaysia (GPM), Sekretariat Himpunan Ulama Rantau Asia (SYURA), Pertubuhan Iqra' Malaysia, Majlis Belia Malaysia (MBM), Persatuan Al-hunafa, Maklumat Islam & Foundation Services (IIS), Penyebaran Islamic Society International (IPSI), Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Pertubuhan Hijrah Republique Network (HR), Persatuan Darul Fitrah, Aid Malaysia Kemanusiaan & Relief (MAHAR), Pusat Penyelidikan & Maklumat mengenai Islam (RICOI), Pesekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan (JAM'IYAH), Pertubuhan Salwa Malaysia, Penggerak Malaysia,

Pertubuhan Muafakat Sejahtera Malaysia, Young Professional, Pusat Kecemerlangan Pendidikan Ummah (PACU), Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Pergerakan Belia India Muslim Malaysia (GEPIMA), Al-Hidayah, Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), Pusat Latihan Ipaksi, Sejagat, Pergerakan Untuk Kewangan Keadilan Malaysia, Grup Sukarelawan Darul Ehsan, Darussyifa, dan Iman.

Peranan Masyarakat

Selain usaha yang dijalankan oleh institusi filantropi dan NGO pada masa ini, masyarakat juga boleh memainkan peranannya, lebih-lebih lagi di kalangan umat beragama Islam yang sudah tentu mempunyai pertalian persaudaraan seagama dengan masyarakat Uyghur.

Beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh masyarakat Islam seluruhnya ialah dengan memboikot barangan buatan China bagi menunjukkan rasa sokongan orang Islam kepada saudara seagama. Tindakan ini sudah tentu merupakan tindakan yang amat sukar dilakukan, oleh kerana faktor kebanjiran barang-barang buatan negara China, yang kerap diimport berikutan kos yang agak murah, yang mengakibatkan berlakunya penguasaan pasaran negara. Namun begitu, kita masih perlu mencari alternatif lain bagi sesuatu produk, sekiranya ianya ada. Adalah penting bagi masyarakat dunia membantu semampu yang boleh tanpa perlu melihat kepada kesannya, dan tidak berputus asa semata-mata kerana ia dilihat tidak begitu signifikan untuk menyelesaikan masalah. Sebenarnya cukup sekadar memaksa diri dan ahli keluarga untuk sama-sama berusaha dan membantu semampu yang boleh.

Peranan kedua adalah masyarakat perlu sama-sama menyebarkan pengetahuan dan fakta berkenaan dengan penindasan masyarakat Uyghur oleh kerajaan China. Hal ini kerana masih ramai yang belum mengetahui situasi sebenar yang berlaku kepada masyarakat Islam di wilayah Xinjiang. Sedangkan kerajaan China sendiri bersifat tertutup dan berdolak-dalik, malah sentiasa berjaga-jaga sekiranya maklumat penindasan mereka terbongkar. Justeru, menjadikan isu di Xinjiang sebagai satu topik arus perdana wajar diadakan, bukan sekadar bermusim.

Sungguhpun usaha-usaha diatas dilihat kecil, namun sebagai seorang ahli kepada masyarakat, ditambah pula sebagai orang Islam, bukanlah hasil akhir yang menjadi keutamaan, bahkan apa yang paling penting adalah setiap individu menjalankan usaha semampu mungkin mengikut situasi dan keupayaan masing-masing.

KESIMPULAN

Tragedi kemanusiaan masyarakat etnik Uyghur di China menjadi salah satu perbincangan dunia antarabangsa, yang mana menjadi fokus ialah pelanggaran hak asasi manusia oleh pemerintah China. Dari pembahasan di atas, kajian ini dapat melihat adanya penindasan dan kezaliman yang berlaku di WAUX, China. Pemerintah negara China bukan sahaja melakukan penahanan malah memindahkan sejumlah besar masyarakat etnik Uyghur sebagai buruh paksa. Mana-mana yang enggan bekerjasama, akan dikenakan hukuman atau khabar tentang mereka akan hilang begitu sahaja. Isu ini menyebabkan ramai masyarakat Uyghur melarikan diri ke negara-negara jiran. Atas isu ini, kebanyakan tindakan semasa badan filantropi adalah menyalurkan bantuan kepada pelarian

masyarakat etnik Uyghur di negara lain. Hal ini kerana tiada bantuan yang boleh sampai ke WAUX berikutan sekatan yang diberikan oleh kerajaan Republik China. Sungguhpun begitu, pelbagai usaha lain telah turut dilakukan oleh beberapa pertubuhan antarabangsa atas dasar kemanusiaan. Semua ahli masyarakat juga boleh memainkan peranannya seperti dengan memboikot barangan buatan China dan menyebarkan maklumat penindasan ini kepada orang ramai. Peranan ini perlu dimainkan oleh semua orang, lebih-lebih lagi di kalangan umat beragama Islam yang sudah tentu mempunyai pertalian persaudaraan seagama dengan masyarakat Uyghur.

RUJUKAN

- Abd. Wahid Jais dan Faedah Kassim. (2005). Perkembangan Suasana Politik Muslim di Xinjiang, China: Satu Tinjauan Umum dari Perspektif Sejarah Peradaban. Dalam *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil. 1 (2005), pp. 167-196.
- A.R.M. Imtiyaz and Ben Stavis. (2008). Ethno-Political Conflict in Sri Lanka. Dalam *The Journal of Third World Studies*, Vol. 25, No 2 (fall 2008), pp. 135-152.
- Amelia Fauzia. (2018). *Filantropi Islam: Sejarah Kontestasi Masyarakat Sipil dan Negara di Indonesia*. Retrieved from https://www.kompasiana.com/pipik_th/5a67187acbe5230432133b42/review-buku-filantropi-islam.
- Arienne M. Dwyer. (2005). The Xinjiang Conflict: Uyghur Identity, Language Policy, And Political Discourse. Dalam *Policy Studies*, (15). Diambil dari <https://www.eastwestcenter.org/system/tdf/private/PS015.pdf?file=1&type=node&id=32051>
- BenarNews. (2018). *Sebelas Pelarian Uighur Terbang ke Turki Selepas Malaysia Gugur Pertuduhan Imigresen*. Diambil dari <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-uighur-turki-181011-10112018160927.html>
- BenarNews. (2020). *Kerajaan Baru Malaysia Tidak Serahkan Pelarian Uyghur Kepada China*. Diambil dari <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-uyghur-menteri-200904-09042020204434.html>
- Berita Harian. (2018). *Malaysia Bebaskan Tahanan Uighur*. Diambil dari <https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2018/10/484960/malaysia-bebaskan-tahanan-uighur>
- Britannica. (t.th.). *Uighur*. Diambil dari <https://www.britannica.com/topic/Uighur>
- Britannica. (Kemaskini 2018). *Xinjiang*. Diambil dari <https://www.britannica.com/place/Xinjiang>
- Charity Right. (2020). *Feed an Uyghur Family*. Diambil dari <https://www.charityright.my/>
- Colin P. Clarke dan Paul Rexton Kan. (2017). Uighur Foreign Fighters: An Underexamined Jihadist Challenge. Dalam *Terrorism and Counter-Terrorism Studies* 8(5) November 2017.
- Fifi Nofiaturrahmah. (2017). Penanaman Dermawan Melalui Karakter Sedekah. Dalam *ZISWAF: Jurnal Zakat dan Wakaf*, Vol. 4, No 2 (2017), pp. 313–326.

- Free Malaysia Today. (2018). *Malaysia Digesa Jangan Hantar Pulang Umat Islam Uighur Ke China*. Diambil dari <https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/2018/02/09/malaysia-digesa-jangan-hantar-pulang-umat-islam-uighur-ke-china/>
- Kay Suhaimi. (2019). *Siapa Sebenarnya Etnik-Uighur Dan Mengapa Kerajaan China Menindas Mereka?*. Diambil dari <https://iluminasi.com/bm/siapa-sebenarnya-etnik-uighur-dan-mengapa-kerajaan-china-menindas-mereka.html>, 19 Disember 2019.
- Malaysia Kini. (2019). *Isu Uighur: NGO Islam Bantah Depan Kedutaan China*. Diambil dari <https://www.malaysiakini.com/news/482607>
- Mohd Rashad Shamsuddin. (2000). *Islam di China*. Kuala Lumpur: AI-Hidayah Publishers.
- Muh Awal Satrio. (2015). *Qardhul Hasan Sebagai Wujud Pelaksanaan CSR dan Kegiatan Filantropi Lembaga Keuangan Syariah Untuk Pemberdayaan Masyarakat*. Dalam Jurnal Kajian Bisnis Vol. 23, No. 2, 2015, pp. 104-111.
- Muhsin Nor Paizin. (2018). *Desentralisasi Dalam Organisasi Pengurusan Zakat di Malaysia*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhsin Nor Paizin. (2021). Zakat Collection from Foreign Workers in Malaysia: The Zakat Collection Untapped Potential. Dalam Impact of Zakat on Sustainable Economic Development. Sarea, A. (Ed.). IGI Global. <http://doi:10.4018/978-1-7998-3452-6>
- Muslim Volunteer Malaysia. (2020). *Misi Bantuan Kecemasan: Save Uyghur 3.0*. Diambil dari <https://donation.mvm.org.my>.
- Nevy Rusmarina Dewia, Maulana Irsyadb, Mufarikhinc, dan Ahmad Maulana Feriansyah. (2020). Dinamika Kemanusiaan Muslim Uyghur di Cina. Dalam *Ijtimaiya: Journal of Social Science Teaching*, Vol. 4, No. 1 Tahun 2020.
- Razali Othman. (2017). *Konsep Filantropi Dalam Sudut Pandang Islam*. Dalam I. K. Islam (Ed.), Seminar Filantropi Dan Derma Islam: Pendekatan Korperat Dalam Konsep Wakaf. Kuala Lumpur.
- Roy Anthony Rogers. (2018). The Radicalisation of Xinjiang: Its Roots and Impact on Human Rights. Dalam *Contemporary Chinese Political Economy and Strategic Relations: An International Journal* Vol. 4, No. 2, July/Aug. (2018): 487-512
- Shawn Zang. (2018). *Largest Re-education Camp?*. Diambil dari <https://medium.com/@shawnwzhang/largest-re-education-camp-d7d6ce15e273>
- Stratfor. (2008). *China: Signs of a Looser Militancy in Xinjiang*. Diambil dari http://www.stratfor.com/memberships/120989/analysis/china_signs_looser_militancy_xinjiang
- Ted Robert Gurr (1993). *Minorities at Risk: A Global View of Ethnopolitical Conflicts*. Washington, DC.: United States Institute of Peace Press.
- Ted Robert Gurr dan Harff Barbara. (1994). *Ethnic Conflict in World Politics*. Oxford: Westview Press.

- Terry Glavin (9 September 2020). "Glavin: Don't show up at Black Lives Matter rallies in clothes made by slaves." Ottawa Citizen. Archived from the original on 29 September 2020. Retrieved 9 September 2020.
- Telegraph.co.uk. (2008). *Beijing Olympics: Security Stepped Up After Terror Attack Kills 16 Chinese Policemen*. Diambil dari <http://www.telegraph.co.uk/sport/othersports/olympics/2499084/Beijing-Olympics-Security-stepped-up-after-terror-attack-kills-16-Chinese-policemen.html>
- The Congressional Research Service, (2001). *Uyghurs in China*. Diambil dari <https://crsreports.congress.gov/product/pdf/IF/IF10281> pada 27 Januari 2021.
- The World Uyghur Congress. (t.th). *Who We Are?*. Diambil dari https://www.uyghurcongress.org/en/?page_id=33467
- The Unrepresented Nations and Peoples Organization (UNPO). (2004). *Newly Founded World Uyghur Congress Calls for Peaceful Solution in East Turkestan*. Diambil dari <https://www.unpo.org/content/view/547/236/>
- Xiaowei Zang. (2012). Uyghur Islamic Piety in Ürümqi, Xinjiang. Dalam *Chinese Sociological Review*, vol. 44, no. 4, Summer 2012, pp. 82–100.